




MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

(Company No. 902884V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN TENDER

MRT Corp. ingin mempelawa bakal Penender untuk mengambil bahagian di dalam tender bagi kerja seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK DAN NOMBOR TENDER	KRITERIA TEKNIKAL (MANDATORI)	TAKLIMAT TENDER (MANDATORI)	
<p>PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 1: KAJANG LINE</p> <p>TENDER FOR DESIGN, FABRICATE, SUPPLY, INSTALL, TESTING AND COMMISSIONING OF THE ADDITIONAL COVERED WALKWAY FOR MRT TAMAN TUN DR ISMAIL (TTDI - DELOITTE) STATION INCLUDING OTHER ASSOCIATED WORKS ("WORKS")</p> <p>TENDER NO.: TEN/PD/Q31-2024</p>	<p>Kesemua Penender hendaklah berdaftar samaada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Selangor serta memiliki sijil pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred: G2 atau G3</p> <p>Sijil pendaftaran CIDB tersebut hendaklah mengandungi pengkhususan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">• CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)• CE42 (Kerja-Kerja Mengecat Jalan)• E04 (Pemasangan Voltan Rendah) (Penender boleh melantik sub-kontraktor sekiranya Penender tidak memiliki kod pengkhususan kerja pemasangan voltan rendah tersebut)	<p>Tarikh : Khamis, 12 September 2024</p> <p>Masa : 10:00 pagi</p> <p>Lokasi Taklimat : Perak Auditorium, Tingkat 7, Menara I&P 1, No.46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.</p>	<p>Bagi menyertai taklimat tender ini, Penender yang berminat dikehendaki melengkapkan pendaftaran secara atas talian menerusi salah satu pautan di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Laman Web MRT Corp. www.mymrt.com.my;2. https://forms.gle/j1AK4WGe5pM7uHXr7;3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.  <p>Pendaftaran akan bermula dari Isnin, 2 September 2024 sehingga Selasa, 10 September 2024. Hanya Penender yang telah membuat pendaftaran dan memenuhi kesemua syarat-syarat pendaftaran yang ditetapkan akan dibenarkan menghadiri sesi taklimat tender. Kehadiran adalah WAJIB dan Penender tidak dibenarkan untuk menyertai tender sekiranya tidak hadir ke sesi taklimat tender.</p> <p>Wakil daripada setiap Penender yang hadir semasa taklimat tender adalah tidak melebihi dua (2) orang.</p> <p>Wakil-wakil dari pihak penender yang berminat mestilah terdiri daripada kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja yang dinyatakan, serta telah diberi kuasa oleh syarikat. Salah seorang wakil haruslah terdiri daripada jawatan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Pengarah Urusan; atau2. Pengurus Projek; atau3. Pengurus Kontrak dan Komersial.

1. Dokumen tender akan diberikan kepada Penender yang layak tanpa sebarang bayaran melalui alamat e-mel yang didaftarkan.
2. Penender wajib menyerahkan dokumen tender yang sudah lengkap termasuk segala maklumat sokongan yang diperlukan dan ditetapkan di dalam dokumen tender.
3. Tarikh serahan bagi dokumen tender adalah pada **Khamis, 10 Oktober 2024 tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya Penender lewat menyerahkan dokumen tender tersebut selepas tarikh dan masa yang ditetapkan.
4. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas tajuk tender dan nombor tender di bahagian atas tengah sampul surat di alamat berikut:

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd
Jabatan Perolehan (Kaunter Tender),
Tingkat 6, Menara I&P 1,
No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

5. Selain daripada syarat-syarat di atas, Penender **WAJIB** memenuhi **Kriteria Mandatori** seperti berikut:

KRITERIA TEKNIKAL (MANDATORI)

1. Penender hendaklah telah menyiapkan projek berkaitan kerja Infrastruktur berhubung Pembinaan Kejuruteraan Awam dan Struktur dan/atau Kerja Elektrik dengan pihak berkuasa tempatan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam tempoh lima belas (15) tahun yang lalu dengan nilai minimum satu (1) projek tidak kurang daripada Ringgit Malaysia: Dua Ratus Ribu (**RM200,000.00**).

KRITERIA KEWANGAN (MANDATORI)

1. Penender hendaklah mengemukakan bukti fasiliti kewangan bagi melaksanakan kerja.

Nota:

1. Penyertaan melalui syarikat Usahasama/Konsortium adalah tidak dibenarkan.
2. MRT Corp. berhak untuk menolak serahan dokumen tender daripada mana-mana Penender tanpa menyatakan sebarang sebab atau memaklumkan kepada Penender mengenai alasan penolakan atau menanggung sebarang liabiliti kepada Penender terhadap penolakan serahan dokumen tender tersebut.
3. Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada procurement@mymrt.com.my. Penender boleh melayari laman web kami di www.mymrt.com.my untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp.